

13 Januari 2018

Pelakon bergelar Datuk direman

Pelakon bergelar Datuk **direman**

FOTO: ASRIL ASWANDI SHUKOR



Pelakon bergelar Datuk direman empat hari bagi membantu siasatan.

TUAN BUQHAIKHAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PETALING JAYA - Seorang pelakon dan pengarah bergelar Datuk yang menyerang seorang anggota polis dan dua orang awam di Balai Polis Trafik Kota Damansara kelmarin direman selama empat hari.

Perintah tahanan reman itu dikeluarkan oleh Majistret Petaling Jaya, Zaki Asyraf Zubir bermula semalam.

Pelakon itu tiba kira-kira jam 10.07 pagi dengan memakai baju lokap ungu menaiki trak polis.

Prosiding bermula jam 10.35 pagi dan berlangsung selama 15 minit.

Peguam, Athari Bahardin yang mewakili pelakon terbabit berkata, siasatan dibuat meng-

ikut Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952, Seksyen 353 Kanun Keseksaan kerana mengganggu tugas penjawat awam.

"Selain itu, beliau turut disiasat mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan kerana mendatangkan kecederaan dan Seksyen 90a Akta Polis kerana berkelakuan tidak senonoh di balai polis," katanya.

Kelmarin, pada jam 1.20 petang, pelakon itu bersama seorang individu ke balai polis berkenaan untuk membuat laporan berkaitan kemalangan jalan raya sebelum secara tiba-tiba menampar muka anggota polis yang menerima aduan tersebut.

Selain mencederakan polis berusia 24 tahun, dia dipercayai menendang dua orang awam di tempat sama.